
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2007/2008

Jun 2008

**HBT 100 – PENGENALAN TEORI DAN PRAKTIK
TERJEMAHAN**

Masa: 3 Jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jawab SEMUA soalan Bahagian A dan mana-mana DUA soalan Bahagian B.

Bahagian A

Jawab SEMUA soalan.

1. Jawab [a] dan [b].

[a] Bincangkan konsep persamaan formal dan persamaan dinamik yang dikemukakan oleh Nida (1964).

[10 markah]

[b] Terjemahkan **TEKS A** ke bahasa Malaysia menggunakan kaedah persamaan formal dan persamaan dinamik yang telah anda bincangkan dalam [a].

TEKS A

Sirens and fire engines made it seem like there was an insane feast going on somewhere in the country. In town we saw a man set upon by a mob: they beat him up in a riot of vengeance, they broke sticks and bottles on him. So much blood came from him.

Sumber: Okri, B., 1986. **Incidents at the Shrine**, London: Vintage, ms. 3.

[15 markah]

2. Jawab [a] dan [b].

[a] Terjemahkan **TEKS B** ke bahasa Malaysia.

TEKS B

“How is bread made?”

“I know *that!*” Alice cried eagerly.

“You take some flour ----”

“Where do you pick the flower?” the White Queen asked. “In a garden, or in the hedges?”

“Well, it isn’t picked at all,” Alice explained; “it’s ground ----”

“How many acres of ground?” said the White Queen.

Sumber: Fromkin, V., Rodman, R. dan Hyams, N., 2003. **An Introduction to Language**, Massachusetts: Thomson Heinle, ms. 180. Edisi ke-tujuh.

[10 markah]

- [b] Bincangkan perkara-perkara yang anda perlu beri perhatian dalam menterjemah teks di atas.

[15 markah]

Bahagian B

Jawab DUA soalan sahaja.

3. Menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan konsep-konsep berikut menurut pendekatan terjemahan fungsian:

- [i] norma
- [ii] skopos
- [iii] kepadaan (*adequacy*)
- [iv] terjemahan instrumental
- [v] terjemahan dokumentari

[25 markah]

4. Jawab [a], [b] dan [c].

- [a] Bincangkan peranan Pejabat Karang Mengarang dalam perkembangan aktiviti terjemahan di Tanah Melayu pada abad ke-20.

[10 markah]

- [b] Pada zaman kegemilangan Rom, dalam masa Cicero dan Horace (106 SM - 8 SM) khususnya, orang Rom fasih berbahasa Yunani tetapi penterjemahan giat dilakukan daripada bahasa Yunani ke bahasa Latin. Bincangkan keadaan ini dengan mengambil kira tujuan penterjemahan dilakukan pada waktu tersebut.

[12 markah]

- [c] Terjemahkan **TEKS C** ke bahasa Malaysia untuk sasaran pembaca sekolah menengah rendah.

TEKS C

To study the change of gravitational potential energy to kinetic energy with respect to height of falling object.

Sumber: Yap Eng Keat dan Khoo Goh Kow, 2008. **Longman Essential Physics Form 4**, Kuala Lumpur: Pearson Longman, ms. 79.

[3 markah]

5. Jawab [a] dan [b].

- [a] Teks yang anda perlu terjemahkan mengandungi maklumat berkaitan keselamatan negara. Pendapatan anda daripada terjemahan tersebut amat lumayan. Anda tahu bahawa pelanggan anda merupakan sebuah badan yang selalu menentang Kerajaan. Bincangkan secara ringkas tindakan anda sebagai penterjemah yang bertanggungjawab dan berwibawa.

[7 markah]

- [b] Jawab [i] dan [ii].

- [i] Terjemahkan **bahagian yang ditebalkan** dalam **TEKS D** ke bahasa Malaysia dengan kaedah persamaan sejadi.

TEKS D

A minute later Iain MacDonald was safe within the Castle.

'Capital bit of work,' the Chieftain pronounced. 'You hit one of those brutes pretty hard, Macmillan. I don't think you've met my youngest boy, Iain. This is Myrtle's fiancé, Iain.'

Sumber: Mackenzie, C., 1983. **The Highland Omnibus**, London: Penguin Books, ms. 265.

[9 markah]

- [ii] Terjemahkan **TEKS E** ke bahasa Inggeris dengan kaedah persamaan literal.

TEKS E

Pasangan yang berkahwin dijangka akan menjalankan peranan serta tanggungjawab sepatutnya sebagai suami isteri dan kemudiaannya sebagai bapa dan ibu setelah mendapat anak. Peranan atau tugas yang dijalankan oleh pasangan suami isteri dalam sesebuah keluarga itu disebutkan peranan kahwinan.

Diubah suai dari: Yaacob Harun, "Peranan Kahwinan Melayu: Antara Jangkaan dan Realiti" dalam Norazit Selat, Dato Hashim Awang dan Nor Hisham Osman, 1997. **Meniti Zaman Masyarakat Melayu: Antara Tradisi & Moden**, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, ms. 90.

[9 markah]